

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)71

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

71. Nyatakan status pengeluaran sektor keterjaminan makanan di Pulau Pinang dapat menampung keperluan semasa rakyat Pulau Pinang.

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

71. Status pengeluaran bagi setiap sektor keterjaminan makanan di Negeri Pulau Pinang adalah berdasarkan data pada tahun 2023.

Bagi sektor pengeluaran padi, hasil padi bersih adalah 5.054 kilogram per hektar dan merupakan hasil padi bersih tertinggi di negeri ini selama lima tahun berturut-turut. Pengeluaran hasil padi bersih dapat menampung keperluan semasa rakyat Pulau Pinang di mana peratusan nisbah pengeluaran hasil padi bersih dengan jumlah penduduk menunjukkan pencapaian sebanyak 110%.

Pengeluaran hasil buah-buahan dan sayur-sayuran akan ditingkatkan bagi memenuhi permintaan pasaran domestik dengan tumpuan buah-buahan tidak bermusim serta sayur-sayuran.

Tumpuan diberikan kepada peningkatan produktiviti melalui pembangunan kluster buah-buahan dan sayur-sayuran, pemulihan ladang, pengukuhan pengurusan ladang kontrak, penggunaan teknologi moden dan pelaksanaan Program Pembangunan Pertanian Komuniti atau juga dikenali sebagai program pertanian bandar.

Seterusnya, pengeluaran bagi sektor penternakan untuk daging ayam / itik dan daging babi adalah mencukupi dengan jumlah pengeluaran bagi daging ayam / itik sebanyak 92,965.43 metrik tan dan pengeluaran daging babi sebanyak 17,677.26 metrik tan pada tahun 2023. Selain itu, pengeluaran bagi daging lembu / kerbau, daging kambing / bebiri, telur ayam / itik serta susu segar adalah tidak mencukupi bagi menampung keperluan semasa rakyat Pulau Pinang.

Manakala bagi sektor perikanan, hasil pendaratan ikan adalah sebanyak 38,226.24 tan metrik dan pengeluaran hasil laut lain adalah sebanyak 60,562.79 tan metrik. Jumlah pendaratan ikan yang semakin merosot telah dibantu dengan peningkatan industri hasil laut atau akuakultur.